

TERMA DAN SYARAT

<u>Penganjur:</u>	F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (Co. No. 004594-A)
<u>Peraduan:</u>	F&N BELI & MENANG EKSKLUSIF DI MYDIN (“Peraduan”).
<u>Tempoh Peraduan:</u>	<ol style="list-style-type: none">1. Peraduan bermula dari 00:00:00, 15/08/2025 dan berakhir pada 23:59:59, 25/09/2025 (“Tempoh Peraduan”). Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.2. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur tidak akan melayakkan Peserta kepada sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami dan/atau kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung yang timbul daripada atau berkaitan dengan pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan oleh Penganjur.
<u>Kelayakan:</u>	<ol style="list-style-type: none">1. Peraduan ini terbuka kepada semua pemastautin individu yang sah di Malaysia yang berusia lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan nombor pengenalan yang sah pada masa penyertaan semasa Tempoh Peraduan kecuali semua kakitangan serta anggota keluarga terdekat Penganjur, syarikat gabungan, anak syarikat, agensi pengiklanan/Perhubungan Awam dan/atau pembekal Penganjur.
<u>Kaedah Penyertaan:</u>	<ol style="list-style-type: none">1. Untuk menyertai Peraduan, beli sekurang-kurangnya satu (1) botol minuman soda berkarbonat F&N Fun Flavors 1.5L (mana-mana variasi) <u>DAN</u> satu (1) botol minuman soda berkarbonat est COLA 1.5L (“Produk”) dalam satu resit asal daripada mana-mana kedai MYDIN (“Kedai”) yang turut serta di Malaysia semasa Tempoh Peraduan (“Resit”).2. Resit mesti dalam bentuk resit bercetak dari sistem ‘point of sale’ Kedai. Resit mesti mengandungi butiran pembelian Produk, tarikh pembelian, jumlah pembelian, nombor resit dan nama dan/atau logo Kedai (“Butiran Resit”).3. Resit sebagai bukti pembelian diperlukan untuk Peserta menyerahkan penyertaan mereka. Penganjur tidak menerima sebarang pindaan Resit dalam sebarang bentuk. Resit Invois Cukai yang ditulis tangan, Pesanan Belian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima.4. Kaedah penyertaan Peraduan adalah melalui WhatsApp sahaja. Setiap Resit HANYA layak untuk satu (1) penyerahan penyertaan melalui WhatsApp. Penganjur berhak membatalkan mana-mana Resit dengan butiran yang tidak lengkap, atau yang dicetak semula, berulang, tidak boleh dibaca, tidak jelas, rosak, diubah, diubah suai, yang dihasilkan sendiri, dipalsukan dan/atau dalam apa jua bentuk yang tidak memenuhi syarat Peraduan ini pada pendapat Penganjur. Semua Resit yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa notis lanjut kepada Peserta.

<p><u>Penyerahan Penyertaan:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. <u>Langkah-langkah penyerahan penyertaan melalui WhatsApp:</u> <ol style="list-style-type: none"> a. Tangkap satu (1) gambar/imej Resit <u>yang jelas dan boleh dibaca</u> dalam format jpg atau jpeg atau png yang lengkap dengan Butiran Resit (“Imej”). b. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Resit sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 5MB. c. Hantar Imej melalui WhatsApp ke nombor WhatsApp rasmi F&N BELI & MENANG EKSKLUSIF DI MYDIN: 6018 311 3608 dengan menggunakan nombor mudah alih yang didaftarkan di Malaysia. d. Selepas menghantar Imej anda, anda akan menerima mesej auto-balas yang mengarahkan anda untuk memberikan nama penuh, nombor pengenalan anda dan negeri kediaman (“Butiran Peribadi”). Untuk melengkapkan pendaftaran dan penyerahan penyertaan anda (“Penyertaan”), sila ikut arahan dalam mesej auto-balas dan hantar butiran yang diperlukan serta-merta. e. Anda dikehendaki memberikan Butiran Peribadi anda sekali sahaja. Anda boleh menghantar seberapa banyak Penyertaan yang anda inginkan, dan semua Penyertaan seterusnya akan dipautkan kepada Butiran Peribadi yang diberikan pada mulanya. f. Mesej perakuan auto-balas akan dihantar oleh Penganjur untuk Penyertaan WhatsApp pertama yang diterima daripada setiap nombor mudah alih sahaja. 2. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk pemprosesan selanjutnya. Semua Penyertaan yang diterima tertakluk kepada semakan dan pengesahan Penganjur. Penganjur berhak untuk menolak, membatalkan kelayakan dan/atau membatalkan mana-mana Penyertaan dengan gambar/imej yang tidak jelas, tidak boleh dibaca atau tidak lengkap, Resit yang dicetak semula, Resit yang berulang, Penyertaan yang mengandungi lebih daripada satu Resit, Penyertaan lewat (iaitu: Penyertaan diterima selepas 23:59:59, 25/09/2025) dan/atau Penyertaan yang diubah, diubah suai, dihasilkan sendiri, dipalsukan dalam apa jua bentuk yang tidak memenuhi keperluan Peraduan mengikut budi bicara mutlaknya tanpa notis. 3. Penganjur berhak untuk meminta salinan cetak asal Resit seperti Imej yang diterima dalam penyerahan Penyertaan sebagai bukti untuk tujuan pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit apabila diminta akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah. 4. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan.
<p><u>Peluang Kemenangan:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Semua Penyertaan yang Layak (“Penyertaan Layak”) yang diterima oleh Penganjur semasa Tempoh Peraduan akan diperuntukkan peluang kemenangan dalam bentuk nombor bersiri mengikut turutan berdasarkan Produk yang dibeli seperti yang dinyatakan dalam Resit yang dihantar. 2. Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri mengikut jumlah pembelian seperti yang dinyatakan dalam Resit yang diserahkan. Bagi setiap satu (1) botol minuman soda berkarbonat F&N Fun Flavors 1.5L (mana-mana variasi) <u>DAN</u> satu (1) botol minuman soda berkarbonat est COLA 1.5L, Penganjur akan

	<p>memperuntukkan satu (1) nombor bersiri sehingga maksimum sepuluh (10) nombor bersiri. Sebarang jumlah baki dalam Resit akan dibatalkan sebaik sahaja nombor bersiri maksimum bagi setiap Resit telah diperuntukkan. Sila rujuk klausa Pemilihan Pemenang di bawah.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jika anda membeli satu (1) botol minuman soda berkarbonat F&N Fun Flavors 1.5L (mana-mana variasi) <u>DAN</u> satu (1) botol minuman soda berkarbonat est COLA 1.5L dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri. - Jika anda membeli enam (6) botol minuman soda berkarbonat F&N Fun Flavors 1.5L (mana-mana variasi) <u>DAN</u> enam (6) botol minuman soda berkarbonat est COLA 1.5L dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, Penganjur akan memperuntukkan enam (6) nombor bersiri. - Jika anda membeli dua belas (12) botol minuman soda berkarbonat F&N Fun Flavors 1.5L (mana-mana variasi) <u>DAN</u> dua belas (12) botol minuman soda berkarbonat est COLA 1.5L dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, Penganjur akan memperuntukkan maksimum sepuluh (10) nombor bersiri. <p>3. Satu set nombor bersiri akan diberikan kepada semua Penyertaan Layak mengikut tarikh dan masa diterima bermula dari nombor bersiri "1".</p>
<p><u>Hadiah Mingguan:</u></p>	<p>1. Terdapat sejumlah lapan (8) Hadiah Mingguan dalam bentuk Baucar MYDIN bernilai RM50 setiap satu untuk dimenangi bagi setiap minggu selama enam (6) minggu berturut-turut.</p> <p>2. Terdapat sejumlah empat puluh lapan (48) Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.</p> <p>3. Berikut adalah enam (6) tempoh mingguan: Minggu 1: 15/08/2025 – 21/08/2025 Minggu 2: 22/08/2025 – 28/08/2025 Minggu 3: 29/08/2025 – 04/09/2025 Minggu 4: 05/09/2025 – 11/09/2025 Minggu 5: 12/09/2025 – 18/09/2025 Minggu 6: 19/09/2025 – 25/09/2025</p>
<p><u>Pemilihan Pemenang Hadiah Mingguan:</u></p>	<p>1. Setiap minggu satu set nombor bersiri akan diperuntukkan kepada Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1". Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak untuk setiap minggu. Jumlah bilangan Penyertaan Layak untuk setiap minggu akan dibahagikan dengan lapan (8) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan untuk Hadiah Mingguan. Sekiranya nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat terdekat.</p> <p>Contoh: Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak untuk Minggu 1 ialah 501, Penganjur akan memilih Finalis berdasarkan mekanik berikut:</p> <p>a. <u>Lapan (8) Finalis Hadiah Mingguan:</u> 501 akan dibahagikan dengan 8 yang bersamaan dengan 62.63 yang akan dibundarkan ke bawah kepada 62. Pegganda nombor bersiri kemenangan dalam kes ini ialah 62. Lapan (8) Penyertaan Layak yang diperuntukkan nombor bersiri gandaan 62 iaitu: 62, 124, 186, 248, 310, 372, 434 dan 496 akan dipilih.</p>

<p><u>Hadiah Utama:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terdapat satu (1) Hadiah Utama berupa satu (1) motosikal Modenas Kriss Euro 110 bernilai RM5200 untuk dimenangi pada akhir Tempoh Peraduan. 2. Hadiah Utama diberikan atas dasar “atas jalan”, termasuk pendaftaran, cukai jalan, dan insurans. Sebarang yuran tambahan dan/atau yuran rampai, kos dan/atau perbelanjaan lain yang terlibat dalam pengambilan, penggunaan, dan/atau penyelenggaraan Hadiah Utama hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh, dan menjadi tanggungjawab tunggal, pemenang Hadiah Utama.
<p><u>Pemilihan Pemenang Hadiah Utama:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pada akhir Tempoh Peraduan satu set nombor bersiri akan diperuntukkan kepada Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri “1”. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak bagi Tempoh Peraduan. Jumlah bilangan Penyertaan Layak akan dibahagikan dengan dua (2) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan untuk Hadiah Utama. Sekiranya nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat terdekat. <u>Contoh:</u> Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak bagi Tempoh Peraduan ialah 5007, Penganjur akan memilih Finalis berdasarkan mekanik berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. <u>Satu (1) Finalis Hadiah Utama:</u> 5007 akan dibahagikan dengan 2 yang bersamaan dengan 2503.50 yang akan dibundarkan ke bawah kepada 2503. Pengganda nombor bersiri kemenangan dalam kes ini ialah 2503. Satu (1) Penyertaan Layak yang diperuntukkan nombor bersiri 2503 akan dipilih.
<p><u>Penebusan Hadiah:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penganjur akan menghubungi semua Finalis Hadiah terpilih melalui WhatsApp dengan menggunakan nombor 6018 311 3608 di nombor mudah alih dari mana Penganjur menerima Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab melalui WhatsApp. Finalis terpilih mesti menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Sekiranya Finalis terpilih gagal menjawab soalan dengan betul atau gagal menjawab dalam masa yang ditetapkan dalam WhatsApp, Finalis terpilih akan hilang kelayakan dan digantikan dengan Finalis nombor bersiri seterusnya selepas nombor bersiri Finalis yang telah hilang kelayakan tersebut. Penganjur akan menghubungi Finalis terpilih yang telah menjawab soalan dengan betul serta mengesahkan mereka sebagai Pemenang. 2. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab. 3. Semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi seperti nama penuh seperti dalam MyKad/ID, nombor MyKad/ID, alamat penghantaran untuk pengesahan dan penebusan hadiah melalui WhatsApp. Kegagalan memberikan butiran peribadi akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah mengikut budi bicara mutlak Penganjur.

	<ol style="list-style-type: none"> 4. Sepanjang Tempoh Peraduan setiap Peserta hanya boleh memenangi maksimum satu (1) Hadiah Mingguan dan satu (1) Hadiah Utama. 5. Semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka kepada Penganjur untuk pemenuhan hadiah, tanpanya Penganjur mungkin tidak dapat memenuhi hadiah tersebut. Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka jika Pemenang gagal memberikan butiran penuh mereka atas permintaan. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang Penyertaan atau Hadiah jika butiran peribadi Peserta atau Pemenang (termasuk nama penuh, nombor pengenalan dan nombor mudah alih) didapati tidak tepat atau salah pada bila-bila masa. 6. Semua Pemenang akan dihubungi oleh Penganjur untuk tujuan penyerahan Hadiah melalui WhatsApp dari nombor 6018 311 3608 di nombor telefon mudah alih yang diberikan kepada Penganjur semasa penyerahan Penyertaan, dalam tempoh lima (5) hingga tujuh (7) hari bekerja dari pengesahan Pemenang oleh Penganjur. 7. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebarang sebab di luar kawalan Penganjur tanpa sebarang pampasan kepada pemenang. 8. Semua Pemenang mesti mematuhi terma & syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan hadiah. Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka sekiranya Pemenang tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan dan Terma & Syarat Hadiah. 9. Penganjur tidak membuat sebarang waranti atau representasi berkenaan dengan Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang masalah dan/atau kerosakan padanya atau timbul daripadanya. 10. Iklan Keputusan Pemenang akan dipaparkan di Laman Web Penganjur di https://www.fn.com.my/promotions-contests/.
<p><u>Tarikh Tamat Penyertaan:</u></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59, 25/09/2025. Mana-mana Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p><u>Liabiliti, Tanggungjawab dan Hak Penganjur:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Gambar Hadiah yang ditunjukkan pada bahan Peraduan adalah untuk tujuan gambaran sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza. Hadiah adalah tertakluk kepada Terma & Syarat Penebusan Hadiah yang akan disertakan dengan hadiah dan dinyatakan dalam surat pengakuan pemenang. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan. 2. Penebusan hadiah tertakluk pada ketersediaan hadiah yang akan dimaklumkan oleh Penganjur dari semasa ke semasa. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu atas budi bicara mutlaknyanya.

3. Pemenang mesti menerima Hadiah dalam keadaan 'sedia ada'. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan/atau tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, dan/atau barangan lain atau baucar sama ada secara sebahagiannya atau sepenuhnya. Penganjur tidak akan melayan sebarang aduan mengenai kualiti dan kuantiti hadiah setelah hadiah diambil oleh pemenang atau dihantar kepada pemenang.
4. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya hadiah hilang, rosak, cacat atau dicuri semasa atau selepas penghantaran atau pengambilan hadiah. Sebarang kos tambahan (termasuk tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan perjalanan dan cukai yang dikenakan) yang timbul daripada atau berkaitan dengan penebusan atau pengambilan hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
5. Dengan menyertai Peraduan ini, semua Peserta bersetuju untuk memikul liabiliti dan tanggungjawab penuh tanpa syarat setakat yang dibenarkan oleh undang-undang sekiranya berlaku sebarang kehilangan, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang dialami akibat penyertaan mereka dalam Peraduan ini, penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan memastikan Penganjur bebas dan terkecuali daripada sebarang liabiliti.
6. Penganjur berhak untuk membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu.
7. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma dan Syarat Peraduan.
8. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan mengikat. Tiada surat-menyurat atau rayuan akan dilayan.
9. Penyertaan dalam Peraduan ini dan/atau penerimaan sebarang hadiah menandakan kebenaran dan persetujuan yang tidak boleh dibatalkan daripada peserta kepada Penganjur untuk menggunakan butiran peribadi dan gambar Peserta untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan ataupun keperluan untuk memberikan notis kepada Peserta terlebih dahulu.
10. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknya meminda Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Penganjur berhak untuk mengubah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan, mekanisme Peraduan, hadiah dan/atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, perubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur terhadap hadiah, Peraduan atau mana-mana bahagian daripadanya tidak akan melayakkan Peserta untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur (dalam bentuk tunai atau dalam apa jua bentuk) untuk mana-mana dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan perubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

	<p>11. Penganjur mengecualikan semua tanggungjawab dan liabilitynya yang tertimbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian terhadap Peraduan atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka yang di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan kerajaan, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, bencana alam, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p>
<p>Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010:</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis bertulis (“Notis”) ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak F&N Beverages Marketing Sdn Bhd (“F&N” atau “kami”). Tambahan lagi, dengan menyerahkan Penyertaan Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh F&N dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi anda yang telah anda berikan kepada kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama anda, nombor kad pengenalan nasional, nombor hubungan, alamat dan sebarang maklumat lain yang kami minta daripada anda untuk Penyertaan Peraduan ini. F&N akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada F&N kemudiannya, untuk tujuan mengendalikan Peraduan ini dan menghubungi anda (jika perlu). 2. Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut dikemas kini. Anda boleh mengakses dan meminta pembetulan data peribadi anda atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, atau membuat pertanyaan dan/atau aduan berkaitan data peribadi anda dengan menghantar e-mel kepada penyedia perkhidmatan kami di fulfilment@omniteam.com.my. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai berbanding versi Bahasa Malaysia. 3. Penganjur berhak untuk membatalkan Penyertaan anda sekiranya anda tidak bersetuju atau memberi persetujuan atas pengumpulan dan/atau pemprosesan data peribadi anda tanpa sebarang notis awal mengikut budi bicara mutlaknya. 4. Untuk penerangan lanjut mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di https://www.fn.com.my/privacy-policy/.
<p>Terma Lain:</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat Peraduan ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau menggugurkan mana-mana Terma & Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis awal kepada Peserta dan Peserta bersetuju bahawa penyertaan

berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat yang diubah.

2. Terma & Syarat Peraduan ini disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan antara semua versi yang disediakan, versi Bahasa Inggeris yang boleh didapati di laman web: <https://www.fn.com.my/Contests-Contests/> akan diguna pakai.
3. Untuk pertanyaan lanjut mengenai Peraduan, sila kunjungi laman web kami di: <https://www.fn.com.my/Contests-Contests/>.